

Sumber

UMT



Universiti Malaysia Terengganu
www.umt.edu.my
APRIL 2016 BIL: 59




Taman Botani UMT



ALUMNI UMT

Usahawan Perikanan



Vape

Ancaman
kepada Kesihatan

ISSN 2229 - 8363



9 771985 851000



Sidang Redaksi

Tinta Ketua Pengarang

PENAUNG

Naib Canselor UMT
YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

PENASIHAT

Pengarah Penerbit UMT
Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

KETUA EDITOR

Pegawai Penerbitan
Rabil Sitta Abdul Rahman

KETUA PENGARANG

Mohd Faizzulfikri Mohd Noor
blackhorse979@gmail.com

EDITOR

Najmul Huda Asmarudin
oleoliharu_he@yahoo.com

PEREKA

Muhammad Adli Hashim

PEMBACA PRUF

Siti Nur Shuhada Razali
syuhada_92@rocketmail.com
Kamelia Narisya Mohd Aripin
Pelajar Praktikal UiTM

JURUFOTO

Muhd Razhiman Abdullah
razhimanfeelfree@gmail.com
Wan Suhada Wan A Aziz
wansuhada.abd.aziz@gmail.com
Mohd Norazka Abdul Malek
Media Kreatif UMT
PPSTM

WARTAWAN

Mohamad Ikhmal
Tuan Mohd Najwa Fuad Tuan Man
Muhammad Hazman Hasif Mohd Fadli
Nur Hanis Bazaruddin
Mohd Zulkifli Abdul Aziz
Muhammad Akhdan Zuwairi Ta'at
Nur Nadzirah Mohd Arifin
Nur Azima Mat Zin
Muhammad Khairul Imran Mizi
Nor Amira Misban
Siti Nur'afifah Jaafar
Mohamad Ameer Zafri Azman

Assalamualaikum dan Salam 1UMT,

Kadang-kadang kita terlupa, hebatnya kita sebagai orang kaya sebab adanya orang miskin. Nampak hebatnya majikan sebab adanya orang bawahan di bawah kita. Nampak hebatnya senior sebab adanya junior yang lebih muda daripada kita.

Nampak hebatnya orang bijaksana sebab adanya orang kurang bijak daripada kita. Dan nampak hebatnya seorang pemimpin mahupun seorang raja sebab adanya rakyat jelata.

Hakikatnya, tanpa adanya orang lain kita sebenarnya tiada apa-apa. Hebat pun tidak, kaya pun tidak, majikan pun tidak dan raja pun tidak. Kerana tiada *punching bag* yang boleh membezakan kita.

Namun, walau apa jua kedudukan kita di dunia, kita tetap sama, iaitu sebagai seorang hamba kepada Allah SWT. Oleh itu, kami daripada Sidang Redaksi majalah *Samudera UMT* melangkah dengan semangat baharu untuk menyuntik isu pertama pada tahun 2016 ini kepada pembaca-pembaca.

Jangan lupa apa tujuan utama kita di kampus dan juga tujuan utama kita di dunia. Pasangkan azam baharu pada semester ini, tingkatkan semangat belajar dalam diri. Selamat kembali ke kampus kepada semua mahasiswa UMT.

Salam 1Malaysia dan Salam 1UMT,

Mohd Faizzulfikri bin Mohd Noor.

Hak Cipta Terpelihara © 2016. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

Taman Botani UMT ke Arah Kampus Lestari

Demi mengekalkan kelestarian alam semula jadi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) buat pertama kali mewujudkan Taman Botani UMT di kawasan kampus. Kewujudan taman botani ini dapat menyeimbangi pembangunan fizikal dan kestabilan ekosistem di kampus UM. Kewujudan taman botani ini sekali gus akan membantu menurunkan suhu dalam kampus UMT dengan bertambahnya pohon-pohon hijau di kawasan kampus UMT.



Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar menggalakkan warga kampus berbasikal dan berjalan kaki di kampus UMT.

Majlis perasmian Taman Botani UMT telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar pada 7 Mac 2016. Pada majlis ini, sebanyak 200 pokok yang pelbagai spesies telah ditanam sebagai permulaan menghijaukan Taman Botani UMT.

"Sejajar dengan sambutan Hari Landskap Negara, kita mengambil pendekatan mewujudkan taman botani pertama dan selepas ini akan diperluaskan lagi," ujar YBhg. Dato' Naib Canselor UMT.

Pihak Pengurusan UMT akan menggalakkan warga kampus supaya mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor di kawasan kampus. Warga UMT digalakkan supaya menjalani gaya hidup sihat dengan berbasikal dan berjalan kaki di kawasan kampus.

Program Penanaman Pokok Bersama Warga Kampus ini mendapat sambutan dalam kalangan Pegawai-pegawai Utama dan Kanan UMT serta warga pelajar yang begitu seronok mengambil bahagian menanam pokok pilihan masing-masing di Taman Botani UMT.



Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar menandatangani papan tanda Taman Botani UMT.





MAJLIS KOLEJ SISWA

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

2015/2016



MKS CAKNA, MERCU REVOLUSI MAHASISWA

Kami dari barisan Majlis Kolej Siswa (MKS 2015/2016) akan memberikan seluruh komitmen kami kepada kolej siswa dan menjaga kebajikan mahasiswa mahasiswi yang menetap di dalam kawasan kolej siswa. Selain itu, kami juga akan menambah baik daripada segi pengurusan, pogram

dan kebajikan pelajar asrama berbanding MKS tahun sebelumnya. Kami juga akan cuba untuk membawa satu kelainan pada tahun ini sesuai dengan moto kami iaitu "MKS CAKNA, MERCU REVOLUSI MAHASISWA". Akhir kata, kami mengharapkan pelajar asrama boleh tampil bersama dan memberikan

pendapat kepada kami di MKS yang sedia mendengar dalam bersama membina keharmonian suasana kampus Kolej Siswa UMT.

Sekian, terima kasih.

MOHD FAIZ ANUAR
Yang di-Pertua Kolej Siswa UMT



Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh,

Salam sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1UMT,

Kami di barisan Majlis Pelajar Luar Kampus (MPLK) yang pertama sekali ingin mengucapkan terima kasih kepada sidang editor kerana memberi kami ruang dan peluang untuk mencoret sepepat dua kata dalam majalah ini.

Pada peringkat awal perkhidmatan kami di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), kami akan memantapkan hala

tuju melalui penambahbaikan organisasi pengurusan dan meningkatkan jalinan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak serta institusi. Fokus utama kami ialah membantu pelajar luar kampus dalam memenuhi keperluan mereka dalam tempoh pengajian mereka di sini seperti keperluan pelajar untuk mendapatkan tempat tinggal yang selamat dan selesa. Selain itu, kedudukan UMT yang dikelilingi oleh komuniti setempat memberi satu peluang kepada pelajar untuk menimba ilmu dan pengalaman baru hasil daripada interaksi dengan komuniti dan kami yakin dengan

aktiviti yang bakal dilaksanakan dapat menjadi pemangkin dalam jainan interaksi pelajar luar kampus dengan komuniti setempat.

Justeru itu, kami di barisan MPLK meletakkan harapan yang tinggi dan mengharapkan kerjasama yang utuh daripada semua warga universiti serta bersatu dalam menempuh segala halangan yang mendatang. Kami juga berharap agar kelestarian hubungan antara UMT dan komuniti sekitar berkekalan demi kesejahteraan pelajar terutama yang tinggal di luar kampus.

Akhir kata, saya mewakili barisan MPLK ingin mengambil kesempatan ini untuk mengajak semua warga universiti bersama-sama kami dalam bergabung tenaga, pengetahuan dan pengalaman kerana ilmu sedia ada ini bagaikan setitis air di lautan, kita akan sentiasa mempelajari perkara baru dalam kehidupan.

Sekian, terima kasih.

MOHD HAMIZAN BIN MOHD SUNHAJI
Yang di-Pertua
Majlis Pelajar Luar Kampus
Universiti Malaysia Terengganu

Program Masjid di Hatiku Usaha Imarahkan Masjid

oleh: Mohamad Ikhmal



Pusat Islam Sultan Mahmud Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menutup tirai program anjurannya pada tahun 2015 dengan pelaksanaan program Masjid Di Hatiku. Bertemakan “Hanya Selangkah, Syurga Menghampiri,” program Masjid di Hatiku telah dilaksanakan pada 17-19 Disember 2015 yang lalu bertempat di kawasan Masjid UMT. Program pada ini memberi keunikan tersendiri terutama dari aspek penganjurannya kerana hampir 99% pelaksanaan dan penganjuran adalah merupakan daripada gabungan kerjasama pelajar-pelajar UMT sendiri yang juga merupakan penggerak-penggerak kelab naungan Pusat Islam Sultan Mahmud UMT yang terdiri daripada Sahabat Masjid UMT (SAHAM), MyUsrah UMT, Muslim Youth Volunteer (MYV), Ilaam dan Sahabat YADIM UMT.

Objektif pelaksanaan program Masjid di Hatiku ini adalah untuk menyemarakkan lagi pengimaran Masjid UMT terutama dalam kalangan pelajar-pelajar UMT sendiri. Masjid UMT yang baru sahaja siap dibina pada Mei 2015 yang lalu merupakan satu titik permulaan yang besar bagi mewujudkan buah solehah di kawasan sekitar UMT. Program Masjid di Hatiku ini mendapat sambutan yang sangat mengalakkan daripada hampir 3,000 pelajar UMT sendiri termasuk masyarakat sekitar UMT. Program ini diwarnai oleh pelbagai aktiviti yang menarik antaranya *The Power of Solat 5.0* yang disampaikan oleh Sahibus Samahan Prof. Madya Dato’ Arif Perkasa Dr. Mohd Asri bin Zainal Abidin.

Beberapa aktiviti pada waktu yang lain turut diadakan antara Kuliah Dhuha; *Mr & Mrs Masjid*, Kuliah Zuhur; *Masjid For All*,

Kuliah Maghrib; *Cycle for Peace*, Bengkel Pengurusan Jenazah, tayangan dan bedah filem; *This Is My War (MTAS)* dan Kuliah Perdana yang disampaikan oleh pencerama-penceramah terkemuka di Malaysia seperti Daie Fuad, Bro Zamri dan Ustaz Syekh Fauwaz bin Dato’ Fadzil Noor. Selain itu, pertandingan-pertandingan menarik turut memeriahkan program Masjid di Hatiku antaranya pertandingan Daie Techno, pertandingan khat, pertandingan mutiara kata, pertandingan fotografi dan pertandingan mewarna kanak-kanak. Semestinya penyertaan yang amat menggalakkan daripada pelajar-pelajar UMT sendiri. Majlis Penyampaian Hadiah untuk kesemua pertandingan diadakan pada 19 Disember 2015 seiring dengan pertandingan akhir *Daie Techno* dan program Masjid Di Hatiku menutup tirai dengan Kuliah Perdana yang disampaikan



oleh Ustaz Syeikh Fauwaz bin Dato' Fadzil Noor pada sebelah malamnya.

Ikon dakwah

Antara pertandingan yang menjadi tumpuan ramai di kalangan pelajar UMT adalah pertandingan *Daie Techno* yang melibatkan penyertaan seramai 11 peserta. Pertandingan ini diadakan bertujuan bagi mewujudkan ikon-ikon pencetus dakwah millenia yang mana terdiri daripada pelajar UMT sendiri. Peringkat akhir pertandingan *Daie Techno* telah

pun berlangsung di Auditorium Mahyuddin Pusat Pengajian dan Pengurusan Maritim seiring dengan Majlis Penyampaian Hadiah sempena program Masjid di Hatiku. Setiap peserta telah pun memberikan persembahan terbaik demi menggelar Juara *Daie Techo*, pencetus dakwah millenia. Hasil keputusan tiga orang juri iaitu Timbalan Pengarah Penyelidikan Pusat Islam Sultan Mahmud UMT, Prof. Madya Dr. SH Marzety binti AISayed Mohama, Pensyarah Pusat Pengajian Asas dan Liberal, Tuan Hj Zakaria bin Ibrahim dan Bro Zamri (Juri

jempunan dari Persatuan Mubaligh Malaysia), mereka telah pun bersepakat memilih tiga peserta yang terbaik. DT Azri dinobatkan sebagai johan, DT Najmuddin (Naib Johan) dan DT Noradila (Ketiga). Selesai pertandingan tersebut, Majlis Penyampaian Hadiah sempena program Masjid di Hatiku turut dilaksanakan. Majlis tersebut dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Operasi Pusat Islam Sultan Mahmud, Ustaz Riswadi bin Azmi,. Harapan beliau adalah agar para pelajar-pelajar UMT sama-sama terlibat secara langsung dalam pengimarahannya Masjid UMT dan menjadikan Masjid UMT sebagai tempat penyatuan sosial masyarakat di UMT dan sekitarnya. Beliau mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada pengarah program Masjid di Hatiku iaitu Saudara Ahmad Fazwan bin Fadzir serta penggerak-penggerak kelab naungan Pusat Islam Sultan Mahmud UMT atas kejayaan melaksanakan program ini dengan jayanya dan beliau turut menyimpan hasrat agar program seperti ini dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

Lawatan IPB ke PPSTM Lembaran Hubungan Dua Hala

oleh: Tuan Mohd Najwa Fuad Tuan Man



Dekan Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan, Prof. Madya Dr. Amiza Mat Amin dan staf PPSTM meraikan deligasi IPB.

Baru-baru ini Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM) telah menerima lawatan deligasi daripada Institut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia. Pihak IPB

telah diwakili oleh Dr. Titi Candra Sunarti dan Dr. Elisa Anggraini. Kehadiran deligasi IPB ini telah disambut oleh Dekan PPSTM, Prof. Madya Dr. Amiza Mat Amin. Lawatan pada 21 Oktober 2015

ini merupakan rangka lawatan IPB ke universiti-universiti seluruh Asia bagi memperkukuhkan hubungan dua hala antara pihak IPB dan universiti yang menawarkan bidang pertanian di seluruh rantau Asia.

Pada lawatan itu, deligasi dari IPB telah mengadakan perbincangan berkenaan hubungan dua hala berkenaan peluang penyelidikan dan mobiliti pelajar yang akan memberi banyak manfaat kepada kedua-dua pihak. Pihak IPB juga berpeluang melawat beberapa makmal dan yang terdapat di PPSTM.

Alumni UMT

Usahawan Perikanan

oleh: Muhammad Hazman Hasif bin Mohd Fadil

Jejak Alumni kali ini membawa anda mengenali salah seorang alumni UMT iaitu Mohd Shukri bin Mohd Zahit anak kelahiran negeri Kelantan. Beliau dilahirkan pada 20 April 1993 di Pasir Putih, Kelantan dan telah mendirikan rumah tangga serta dikurniakan dua orang cahaya mata. Sektor perikanan begitu dekat dengan beliau kerana ayah beliau adalah seorang nelayan yang memiliki bot sendiri dan dengan sebab itu beliau ingin meneroka dalam bidang perikanan. Ilmu yang beliau perolehi daripada pengajian dalam bidang perikanan di peringkat ijazah sajana muda sudah cukup untuk beliau menceburkan diri lebih dalam tersebut.

“Konsep berganding bahu dan saling percaya mempercayai antara majikan dan pekerja bawahan menjadi amalan yang wajib ada dalam industri perikanan,” jelas alumni UMT ini dalam kerjayanya sebagai usahawan perikanan. Pemegang ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ini berpendapat atas prinsip itulah beliau meniti kejayaan yang ada dalam mengendalikan syarikatnya, Skun Maju Enterprise.

Syarikat yang diusahakannya kini memiliki beberapa peralatan seperti sebuah bot nelayan jenis pukat jaring kelas C0 (bagi aktiviti penangkapan ikan untuk jarak antara 15 batu sehingga 40 batu



dari persisir pantai).

Selain itu, beliau turut mengusahakan beberapa buah bot pukat jaring, pukat tunda dan bot memancing yang dimiliki secara bersama dengan rakan-rakan yang lain yang berpangkalan di Kuantan, Pahang. Inisiatif anak muda tidak terhenti setakat di situ sahaja. Mohd. Shukri menambah lagi portfolio kerjanya dengan menceburkan diri dalam industri pemasaran ikan segar di pasar-pasar borong utama di seluruh Semenanjung Malaysia.

Beliau juga terlibat dalam perusahaan keropok lekor. Pada peringkat awal, beliau hanya bertindak sebagai pembekal ikan

segar kepada seorang pengusaha yang beliau sapa sebagai Pak Lah, 60, yang memiliki kilang memproses keropok lekor di Permatang Badak, Kuantan. Mulanya Pak Lah mengambil sendiri bekalan ikan di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuantan tempat kapal beliau berlabuh untuk menurunkan ikan. Sekarang mereka telah menjadi rakan kongsi dan sama-sama mengusahakan kilang tersebut yang berjaya menjana jualan purata RM5,000.00 sehari.

Mengenai aktiviti pemasaran ikan pula, beliau akan memastikan hasil tangkapan dapat dijual pada harga yang baik, sepadan dengan

usaha dan kos yang telah dibelanjakan. Mohd. Shukri begitu optimis. Beliau ingin menyahut cabaran kerajaan dalam mengusahakan perikanan laut dalam walaupun memerlukan modal yang besar. Berbekalkan ilmu yang diperolehi hasil pengajiannya dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), beliau memberanikan diri dengan tekad menceburi bidang ini tanpa menoleh ke belakang lagi. Berkat kecekalannya, beliau mampu memperoleh nilai jualan tahunan antara RM1.0-1.2 juta setahun dan mampu mengajikan 30 orang pekerja. Memulakan perusahaannya ini pada tahun 2006 dan memasarkan sendiri

hasil tangkapan laut dalamnya kepada pemborong dan peraih sekitar Kuantan. Jelas beliau, industri perikanan merupakan salah satu cabang pertanian yang perlu diceburi oleh golongan belia di negara ini. "Tidak rugi kalau kita cebur bidang pertanian. Dalam situasi sekarang, tenaga mahir dalam ini makin berkurangan dan saya lihat masih ramai lagi yang bergantung kepada skill 'orang-orang lama'. Baginya "Cabaran dan kecekalan menjadi azimat dalam kejayaan saya". Kata penerima Anugerah Usahawan Siswazah Taji Jaya 2011 ini mengakhiri perbualan.



"Cabaran dan kecekalan menjadi azimat dalam kejayaan saya" - Mohd Shukri



Beliau sendiri turun padang melihat pekerja di kilang keropoknya dalam proses menyang ikan.



Antara produk yang dihasilkan oleh kilang keropoknya.



Beginilah rupa bot nelayan jenis pukot jaring kelas C0 yang dimiliki oleh Mohd Shukri.

Kesibukan beliau sebagai usahawan perikanan tidak menghalang untuk beliau menikmati masa emas bersama ahli keluarga.



Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuantan menjadi lubuk rezeki Mohd Shukri.

HO CHI MINH CITY

Destinasi Latihan Ilmiah Pelajar SNPM



oleh: **Nur Hanis Bazaruddin**
Sains Nautika dan
Pengangkutan Maritim

Pelajar Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim (SNPM) telah berpeluang untuk mengadakan lawatan ilmiah ke negara Vietnam. Lawatan ilmiah ini disertai oleh pegawai pengiring, Dr. Noorul Shaiful Fitri Abdul Rahman dan Pegawai Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim, serta 15 orang pelajar Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim telah berpeluang melawat ke University of Transport Ho Chi Minh City, Phuoc Long ICD Port, Malaysia Education Promotion Center (MEPC) dan Konsulate-Jeneral Malaysia di Ho Chi Minh City pada 1 Disember hingga 5 Disember 2015.

Sebaik tiba di Vietnam pada 2 Disember 2015, para pelajar SNPM serta pengiring telah mengadakan sesi perbincangan dan soal jawab bersama para pelajar University of Transport Ho Chi Minh City (UT-HCMC) serta Dekan UT-HCMC bagi tujuan perkongsian ilmu dan pertukaran idea dalam kalangan mereka. Lawatan ini memberikan pendedahan kepada mereka untuk mengenali industri yang bakal mereka ceburi bukan sahaja di dalam negara malah di peringkat global khususnya dan sebagai persediaan awal sebelum melalui program latihan industri kelak. Melalui lawatan ke UT-HCMC, para pelajar SNPM dapat melihat dan mengenali pelbagai kemudahan yang terdapat di UT-HCMC seperti *ECDIS simulator*, *Integrated Bridge*

System, *Bridge ship-handling simulator*, *Navigational Instrument*, dan *Marine Engineering Simulator*. Pada hari berikutnya, para pelajar telah melawat ke Konsulate General of Malaysia dan Malaysia Education Promotion Center (MEPC).

Pada sesi pagi, para pelajar SNPM serta pegawai pengiring melawat Konsulate General of Malaysia. Setibanya di situ, para pelajar SNPM dan pegawai pengiring disambut baik serta diberi satu sesi pen-erangan dan juga sesi soal jawab bersama Jeneral Konsulat. Manakala, bagi sesi petang, pelajar SNPM dan pegawai pengiring melawati Malaysia Education Promotion Center (MEPC). Di MEPC pula satu sesi penerangan dan perbincangan diadakan bersama



wakil MEPC.

Seterusnya, pada 4 Disember 2015 para pelajar SNPM telah melawat Phuoc Long ICD Port. Sebaik sahaja tiba di Phuoc Long ICD Port, para pelajar SNPM serta para pengiring disambut oleh dua orang pegawai Phuoc Long ICD Port untuk memberi sedikit penerangan mengenai latar belakang pelabuhan tersebut. Para pelajar SNPM turut berpeluang untuk memasuki dan melihat sendiri operasi kontena di pelabuhan tersebut.

Peluang mengadakan lawatan ilmiah ke Ho Chi Minh, Vietnam ini amat bermakna buat semua pelajar SNPM. Mereka bukan sahaja dapat melakukan perkongsian ilmu, malahan mereka turut dapat melihat sendiri industri yang bakal mereka tempuhi di samping menjalinkan hubungan antara dua buah negara. Hal ini dapat dibuktikan apabila pihak UT-HCMC sendiri menyatakan keinginan untuk melakukan Perjanjian Persefahaman (MoU) untuk program pertukaran pelajar bersama UMT. Sehubungan itu, pihak SNPM ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas kelulusan yang diberikan oleh Dekan Pusat Pengajian



Kejuruteraan Kelautan, Prof. Ir. Dr. Ahmad bin Jusoh. Semoga pada tahun 2016 ini akan menyaksikan

lebih banyak penglibatan SNPM seperti cogan kata UMT "Terokaan Seluas Lautan".

Kelab Penyayang UMT Teruskan Bakti di Bumi Kemboja

oleh: Mohd Zulkifli Abdul Aziz
Penasihat 2 Kelab
Penyayang UMT

Kelab Penyayang UMT telah merealisasikan Program Pengantarabangsaan Pelajar Kelab Penyayang UMT 2015 pada 22-30 September 2015 sempena sambutan Hari Raya Aidil Adha 1436 H. Program ini telah dilaksanakan di Kampung Phnomdual, Mukim Chuksor, Daerah Tralarch, Wilayah Chnnang, Kemboja. Sebanyak 38 orang pelajar yang terdiri daripada ahli Kelab Penyayang UMT dan Penasihat Kelab Penyayang UMT selaku pegawai pengiring telah menyertai program ini yang dirancang semenjak 2014.

Objektif program ini ialah untuk membuat tinjauan susulan selepas tiga Misi Kemanusiaan Kelab Penyayang UMT ke Kemboja. Di samping itu ianya memberi peluang kepada mahasiswa UMT khususnya ahli Kelab Penyayang UMT untuk menambah pengalaman dalam menjayakan misi kemanusiaan.

Program ini juga bertujuan memperkenalkan UMT ke peringkat antarabangsa dengan menjalinkan hubungan baik antara mahasiswa UMT dengan komuniti Islam di Kemboja. Melalui program ini, mahasiswa dapat memupuk nilai kerjasama, keprihatinan dan kebertanggungjawaban dalam diri mereka serta melahirkan modal insan yang mempunyai sifat-sifat kesukarelawan di masa hadapan.

Pelbagai aktiviti dilaksanakan sepanjang program ini iaitu korban, berkhatan, sukaneka, pemeriksaan kesihatan, pertandingan mewarna, perlawanan bolasepak dan pertunjukan wayang pacak turut diadakan. Di samping itu pemberian bantuan berupa makanan, basikal, kipas, pam air dan generator kepada penduduk



Sukarelawan Kelab Penyayang UMT di hadapan Masjid di Kemboja.



Sukarelawan Kelab Penyayang UMT.

kampung yang memerlukan turut diadakan. Barangan ini adalah hasil sumbangan syarikat korporat, peniaga dan orang perseorangan di Malaysia.

Ahli Kelab Penyayang UMT juga berpeluang melawat Muzium Toul Sleng di Phnom Penh. Muzium ini merupakan sekolah yang dijadikan pusat penyeksaan tahanan semasa regim Khmer Rouge berkuasa di Kemboja. Mereka juga berpeluang menyusuri Sungai Mekong bagi menyaksikan kepelbagaian budaya dan aktiviti ekonomi di situ.

Program ini telah berjaya mencapai objektif ianya diadakan. Adalah diharapkan Program Pengantarabangsaan Pelajar dapat diteruskan lagi pada masa hadapan demi melahirkan mahasiswa yang mempunyai nilai-nilai kesukarelawan sejagat. Kerjasama semua pihak, khususnya YBhg. Dato' Naib Canselor UMT dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dalam menjayakan Misi Sukarelawan Kelab Penyayang UMT ke Kemboja ini amatlah dihargai.

KAI Anjur Karnival Jom Hijrah

oleh: Muhammad Akhdan
Zuwairi bin Ta'at
Presiden Kelab Amatur
Intelektual (KAI) UMT 15/16

Kelab Amatur Intelektual (KAI) telah menganjurkan Karnival Jom Hijrah yang diadakan berkonsepkan dakwah seni hiburan untuk menarik orang ramai ke arah mengenali dunia keagamaan Islam. Di samping itu, tujuan karnival ini diadakan untuk memberi kesedaran tentang keprihatinan terhadap isu-isu negara bagi penduduk umat Islam seperti di Palestin, Syria, Rohingya, Malaysia dan di serata dunia.

Pada hari pertama karnival, telah dijalankan program Bicara Hijrah Selebriti oleh Yatt Hamzah dan Iwan Syahman serta moderator oleh Saudara Muhammad Akhdan Zuwairi bin Ta'at (Presiden KAI). Program ini menceritakan mengenai penghijrahan mereka iaitu sebagai selebriti ke arah yang lebih baik mengikut ajaran Islam yang berteraskan al-Quran dan Sunah. Kesimpulan dari program Bicara Hijrah Selebriti juga membincangkan kemewahan wang ringgit tetapi jiwa dan hati yang kosong kerana hidup mereka sebelum ini tidak berteraskan ajaran Islam.

Selebriti Yatt Hamzah berkongsi kata-kata hikmah iaitu ujian tanda Allah sayang kepada hambanya dan setiap orang berhak untuk berubah. Yatt Hamzah juga menyeru kepada semua untuk sama-sama berubah menjadi baik dan beriman kepada Allah SWT ("Just do it, do it now!").

Perasmian Karnival Jom Hijrah dihadiri Pengarah Pusat Keusahawanan & Kerjaya (CEC), Dr. Mohd Shaari Abd Rahman dan Pengerusi Team Cakna Ummah Terengganu (TCU), En.



Penasihat KAI UMT, Prof. Madya Dr. Hassan bin Che Haat.



Mokhtar Ariffin. Selain itu, Konsert Jom Hijrah dihadiri oleh barisan penyanyi nasyid tanah air seperti Munif Hijjaz, Iltizam, By Haq, Seedrain, Hilwan. Lagu yang dibawa bertemakan ketuhanan.

Kuliah Dhuha bertajuk Ekspresi Cinta telah disampaikan oleh Sheikh Mohib dalam karnival ini. Kuliah Dhuha ini berkisar kepada cinta kepada manusia akhirnya menyedarkan cinta kepada yang Maha Esa. Intipati Kuliah Dhuha berkongsi mengenai saat hati tidak tenang, gelisah dan kecewa hendaklah membaca Al-Quran kerana menjadi nasihat dan pengajaran yang baik.

Juga diadakan Majlis Hijrah

Ekonomi bersama SSP dan Pensyarah Jabatan Syariah, Fakulti Islam dan Kontemporari, UniSZA, Dr. Abdul Hadi Ismail. Kupasan program ini mengenai ekonomi dari perspektif Islam. Sokongan daripada kalangan mahasiswa dan staf UMT amat memberi galakan dalam karnival kali ini. Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Penasihat KAI UMT, Prof. Madya Dr. Hassan bin Che Haat. Semoga dengan adanya karnival seperti ini dapat menambahkan lagi ilmu pada setiap insan yang hadir, tidak lupa juga dapat menambah pahala jihat dalam setiap insan. "Menuntut ilmu itu adalah satu jihat dalam Islam".

Karnival Navy-Airforce Erat Silaturahmi PALAPES UMT-UniSZA

oleh: Nur Nadzirah Mohd Arifin

Karnival Navy-Airforce merupakan perlawanan sukan persahabatan antara PALAPES (L) UMT dan PALAPES (U) UniSZA yang telah berlangsung pada 11 hingga 12 Disember 2015. Karnival sukan ini telah berlangsung di kedua-dua buah universiti dengan sebahagian acara telah dipertandingkan di UniSZA manakala sebahagian lagi telah dipertandingkan di UMT. Seramai 93 anggota PALAPES (L) UMT yang terdiri daripada ambilan 7, 8 dan 9 telah menyertai karnival ini. Tujuan karnival ini diadakan untuk mengeratkan hubungan silaturahmi antara anggota PALAPES (L) UMT dan PALAPES (U) UNISZA. Selain itu, karnival ini dilakukan juga bertujuan untuk memperkasakan lagi aspek ketahanan mental dan fizikal setiap anggota. Di samping itu, karnival ini juga menjadi gelanggang kepada jurulatih untuk menilai setiap anggota bagi pemarkahan yang menyumbang kepada 10% markah keseluruhan di hujung semester.

Majlis perasmian pembukaan karnival ini telah disempurnakan oleh Ketua Jurulatih PALAPES (U) UniSZA Leftenan Mohd Nazry bin Mohd Alladin (TUDM), Leftenan Noorsyam bin Abu Samah (TLDM), Ketua Jurulatih PALAPES (L) UMT serta Leftenan Muda Muhammad Azrie bin Zainuddin PSSTLDM, Pegawai Tadbir PALAPES (L) UMT turut hadir pada hari pertama untuk meriahkan karnival ini. Karnival ini telah bermula dengan perasmian gimik persembahan oleh Ketua Jurulatih PALAPES (U) UniSZA Leftenan Mohd Nazry bin Mohd Alladin.

Karnival ini dimulakan dengan pertandingan merentas desa yang dijalankan dalam kawasan kampus UniSZA. Kesemua peserta telah menunjukkan semangat juang yang tinggi untuk memenangi acara yang dipertandingkan.



Tidak ketinggalan juga pada semangat yang ditunjukkan oleh para penyokong bagi kedua-dua pasukan.

Perasmian penutupan karnival ini telah dirasmikan oleh Kapten Prof. Madya Haji Zainal Ashirin bin Shahardin PSSTLDM. Dalam ucapan beliau juga menyatakan bahawa karnival ini dapat dijadikan acara tahunan bagi PALAPES (L) UMT dan PALAPES (U) UniSZA. Hal ini, kerana walaupun hanya dua hari karnival ini berlangsung namun banyak manfaat diperoleh oleh anggota PALAPES bagi kedua-dua buah universiti.

Majlis perasmian penutupan

ini telah diserikan lagi dengan trademark badan-badan beruniform iaitu hakka atau war dance dari anggota PALAPES (L) UMT dan PALAPES (U) UniSZA.

Secara keseluruhannya, karnival ini dianggap berjaya kerana objektif karnival ini telah tercapai. Selain itu, sifat kerjasama dan semangat juang yang tinggi di dalam kalangan anggota PALAPES yang bertanding juga harus dipuji. Akhir sekali, sekalung ucapan tahniah diucapkan kepada PALAPES (L) UMT kerana piala pusingan Karnival Navy-Airforce berjaya menjadi milik pasukan PALAPES (L) UMT.

Bagi pelajar, tidak kira di peringkat sekolah rendah, menengah atau universiti, menelaah pelajaran tidak dapat dielakkan, kerana akhirnya anda perlu mengambil ujian dan peperiksaan. Mungkin lain orang, lain cara mereka belajar mengikut kesesuaian masing-masing, walaupun cara yang diamalkan itu tidak semestinya yang terbaik. Apa yang penting, pada akhirnya anda faham dan ingat apa yang ditelaah atau diulang-kaji. Konsep sesuatu teori perlulah difahami yang betul.

Secara amnya, terdapat 6 faktor mudah yang mesti diambil kira sebagai asas dalam sesuatu proses pembelajaran yang ingin dikongsikan di sini.

1. Ruang

Untuk belajar dengan selesa dan mudah mengingati apa yang dipelajari, anda memerlukan ruang belajar yang sesuai dan kondusif (merangsang) secara fizikal dan mental. Ruang belajar ialah satu faktor penting untuk belajar dengan berkesan. Apabila ruang belajar selesa, otak pun mudah menerima pelajaran dan proses pembelajaran berjalan dengan baik dan lancar.

2. Tempat

Wujudkan satu zon tempat belajar atau kerja untuk diri sendiri sahaja, sama ada anda pilih satu sudut di dalam bilik atau lain-lain tempat yang dirasakan selesa dan tiada gangguan semasa menelaah pelajaran. Tempat belajar seharusnya selesa dan tenang. Jangan sekali-kali belajar sambil duduk atau berbaring di atas katil kerana akhirnya anda akan terlelap.

3. Kadar Kecepatan

Kadar Kecepatan Belajar manusia tak sama dari segi kadar kecepatan memahami atau mempelajari sesuatu perkara itu. Jadi, ikutlah kadar kecepatan masing-masing. Sesetengahnya suka buat kerja cepat-cepat sehingga selesai, lepas itu rehat. Sesetengah yang lain pula suka buat kerja secara maraton (perlahan-lahan dan mengambil masa yang lama) untuk

6 Faktor Belajar dengan Berkesan



menyiapkan sesuatu kerja atau memahami sesuatu perkara. Sebenarnya, tidak ada cara yang salah atau betul, asalkan ia bersesuaian dengan diri anda. Anda juga boleh mengubahsuai kadar kecepatan belajar ini mengikut keperluan masing-masing.

4. Memori (Daya Ingatan)

Anda sendiri perlu menilai tahap kekuatan memori atau daya ingatan anda. Sesetengah orang ingat semua apa yang didengar atau dibacanya, tetapi bagi sesetengah yang lain pula cuma ingat yang pangkal dan hujung saja tetapi lupa yang di tengah-tengahnya. Oleh itu, sesuaikan tahap daya ingatan anda dengan cara pembelajaran anda. Daya ingatan sebenarnya boleh diasah dengan selalu mengingati atau membayangkannya di dalam minda dan dipraktikkan selalu sehingga daya ingatan anda menjadi kuat dan cergas.



Daya ingatan juga boleh dikuatkan dengan permainan yang menggunakan ingatan seperti soduko, silang kata dan sebagainya, ataupun menghafal surah-surah pendek dalam al-Quran.

5. Kaedah Belajar

Kaedah belajar juga penting bagi melancarkan proses pembelajaran anda seperti membuat perancangan belajar yang betul dan sesuai. Contohnya, satu tajuk besar dibahagi-bahagikan kepada beberapa topik tertentu supaya mudah dipelajari. Cuba cari satu atau dua kata kunci yang mudah mengingatkan anda atau mudah dikaitkan dengan sesuatu topik tersebut. Cara ini adalah berkesan untuk mengingat sesuatu topik atau fakta yang banyak dan hampir sama.

6. Peta Minda

Peta minda ialah diagram (rajah) beserta perkataan ringkas yang merangkumi sesuatu idea atau topik. Peta minda ini membolehkan anda membayangkan informasi yang dilakarkan dalam bentuk rajah dengan fakta ringkas. Anda boleh mencipta peta minda sendiri untuk sesuatu topik, tidak perlu menggunakan peta minda orang lain walaupun bagi topik yang sama. Gunakan perkataan asas yang ringkas di tengah-tengah sebagai pangkalnya, kemudian dari situ buat lakaran cabang-cabang bagi setiap kategori yang berkaitan. Daripada cabang-cabang ini pula boleh dibuat cabang-cabang yang lebih kecil (ranting-ranting) sehingga keseluruhan idea atau fakta bagi sesuatu topik itu dapat dirangkumkan dalam satu diagram. Peta minda ini dapat memudahkan anda mengingati informasi atau fakta dengan lebih berkesan dan tepat berbanding dengan cara lama iaitu cara penyenaian fakta.

Vape Ancaman Kepada Kesihatan

oleh: Pn. Nur Azima Mat Zin
Pusat Kesihatan Universiti, UMT

Vape atau rokok elektronik satu fenomena yang menjadi ikutan anak muda dan golongan remaja dan ini merupakan sesuatu yang perlu dibimbangkan. Budaya menghisap vape ini bertentangan dengan dasar dan polisi Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada sebarang bentuk amalan merokok. Ianya tidak selari dengan perjanjian WHO Framework Convention On Tobacco Control (WHO FCTC) yang telah ditandatangani oleh Malaysia semenjak tahun 2005.

Vape Risiko Bukan Perokok Menjadi Perokok

- Kajian telah menunjukkan rokok elektronik dan Vape merupakan satu 'Gateway' untuk golongan kanak-kanak memulakan tabiat merokok (Brian A et al. 2015).
- Remaja yang menggunakan rokok elektronik adalah berisiko untuk menukar kepada tabiat merokok jika dibandingkan dengan remaja yang tidak merokok (Bunnel, et al. 2015).
- Pemerhatian melalui media sosial di Malaysia mendapati ramai golongan wanita yang telah mula mencuba amalan vaping.

Kementerian Kesihatan mendefinisikan peranti elektronik yang mengandungi nikotin adalah dirujuk sebagai 'rokok elektronik' (eCig), sementara yang tidak mengandungi nikotin, adalah dirujuk sebagai Vape.



Rokok elektronik mengandungi bahan kimia yang boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti Barah, keguguran dan masalah kesihatan lain.

Kandungan Utama Rokok Elektronik

Nikotin
Propylene Glycol
Vegetable Glycerin
Bahan Perasa dan Pewarna

Kandungan Utama Vape

Propylene Glycol
Vegetable Glycerin
Bahan Perasa dan Pewarna

Nikotin

Nikotin dikelaskan sebagai racun di bawah Akta Racun 1952. Akta ini juga menyenaraikan Nikotin sebagai Racun di Kelas C. Nikotin pada paras yang rendah dan terkawal hanya digunakan di dalam "patch" atau "gum" untuk mengawal perokok tegar. Nikotin bentuk ini hanya dibenarkan

diperolehi dari Farmasi Berlesen dan Pegawai Perubatan Berdaftar.

Kesan Nikotin

Nikotin menggalakkan pembekuan darah (Schaller et al. 2013). Nikotin boleh menyerap masuk ke plasenta ibu mengandungi di mana ini akan mengganggu proses perkembangan bayi di dalam kandungan (Maritz, 2009). Nikotin serendah 2mg sudah boleh menyebabkan kesan yang lebih teruk, antaranya sawan dan kegagalan pernafasan. Nikotin pada paras sekurang-kurangnya 4mg boleh menyebabkan kematian kepada kanak-kanak manakala 40mg boleh menyebabkan kematian di kalangan orang dewasa (Pusat Racun Negara). Nikotin boleh menyebabkan ketagihan. Nikotin juga boleh mengganggu perut dan usus.

Kesan Propylene Glycol

- *Propylene Glycol* apabila dipanaskan menghasilkan *Formaldehyde*, sejenis bahan yang boleh menyebabkan kanser.
- Kesan Jangka Pendek : Masalah mata, tekak dan saluran pernafasan.
- Kesan jangka Panjang : Masalah Penyakit asma, masalah sistem pernafasan.

Kesan Glycerin

Penggunaan *Glycerin* secara berulang dan berpanjangan boleh mengakibatkan kerosakan kepada organ dalaman.

Kesan Bahan Perasa

- Mampu membunuh sel paru-paru, sel otak dan sel lapisan kulit.
- Kajian juga mendapati kehadiran logam berat semasa menggunakan Vape.

Sumber : Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

UMT Mid-Autumn Festival Charity Gala 2015

oleh: Muhammad Khairul Imran bin Mizi
Exco Budaya dan Seni Warisan MPP 15/16

Baru-baru ini, Persatuan Pelajar Cina telah mengadakan satu program besar iaitu UMT Mid-Autumn Festival Charity Gala 2015 ataupun boleh ditingkatkan sebagai Malam Kebudayaan Pesta Tanglung. UMT Mid-Autumn Festival Charity Gala 2015 merupakan aktiviti tahunan kali pertama yang diadakan oleh Persatuan Pelajar Cina (PPC), UMT. Aktiviti tahunan ini bertujuan untuk memperkenalkan tradisi Pesta Tanglung kepada semua warga UMT dan juga penduduk-penduduk tempatan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara kaum Cina dengan kaum-kaum yang lain melalui proses saling memahami budaya dan tradisi kaum masing-masing. Logo yang dipaparkan di sini ialah Logo Program Tahunan UMT Mid-Autumn Festival Charity Gala yang telah ditetapkan untuk diwarisi setiap tahun.

Penganjuran UMT Mid-Autumn Festival Charity Gala 2015 ini turut mengalu-alukan penyertaan seluruh warga universiti serta penduduk seluruh Kuala Terengganu. Selain menunjukkan keprihatinan kelab Persatuan Pelajar Cina (PPC) terhadap kelestarian tradisi Cina dalam kalangan pelajar Cina, program ini juga merupakan platform kepada siswa-siswi PPC dalam menonjolkan bakat-bakat dalam kepimpinan dan penganjuran sesuatu majlis atau program yang merupakan pelengkap kepada kelahiran mahasiswa yang berkaliber dan berkualiti. Logo yang ditunjukkan di bawah ialah Logo UMT Mid-Autumn Festival Charity Gala 2015 di mana ia hanya digunakan untuk tahun ini sahaja, ia dihasilkan berdasarkan tema program tahun ini iaitu – "THE MOON RECURRANCE".



Semua AJK program telah pergi ke kawasan Kuala Terengganu untuk mencari pihak penajaan program dan juga membuat publisiti terhadap penduduk-penduduk tempatan.



Penganjuran UMT Mid-Autumn Festival Charity Gala 2015 ini telah berjaya mencapai sasaran objektifnya iaitu untuk memperkenalkan budaya dan tradisi Mid-Autumn Festival kepada siswa-siswi UMT serta mengeratkan tali persaudaraan dan persahabatan antara warga UMT. Program ini juga membuka ruang untuk kami menderma sebahagian keuntungan kepada pihak yang amat memerlukan. Penganjuran program ini secara tidak langsung dapat memperkenalkan dan



EXCO Publisiti membuat publisiti di Sekolah Menengah Kebangsaan Chung Hwa Wei Sin di Jalan Bukit Kecil, Kuala Terengganu.



Exhibition di luar pintu dewan.



Persembahan tarian tradisional oleh Kelab Kebudayaan PPC.

meningkatkan imej UMT kepada masyarakat luar. Menjayakan visi UMT 'Universiti Pilihan' dengan keupayaan mengadakan aktiviti yang bertaraf tinggi.

Program Perkhemahan PSSCUHUMT Latihan Ketahanan Mental dan Fizikal

oleh: **Nor Amira Misban**
Presiden Silat Cekak Hanafi UMT

Pada 15 Januari 2016 yang lepas, Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Universiti Malaysia Terengganu (PSSCUHUMT) dengan kerjasama dari Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi Universiti Putra Malaysia (PSSCUHUPM) telah menganjurkan sebuah program perkhemahan bersama selama empat hari tiga malam di Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC), Universiti Putra Malaysia (UPM) di Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong. Ini merupakan salah satu program yang terkini Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi UMT jalankan. Program ini melibatkan 59 orang pelajar dari PSSCUHUMT dan PSSCUHUPM serta dua orang penyelia persilatan iaitu Penyelia dari UPM, En. Faizul Amin bin Mohd Yusof, dan Penyelia dari UMT, En. Ridzuan bin Musa. Tujuan utama program ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan melatih ketahanan mental dan fizikal para peserta antara dua buah persatuan universiti ini.

Pada hari pertama, taklimat telah disampaikan oleh renjer Hutan Simpan Ayer Hitam iaitu En. Hafizul dan Encik Kamarulizwan tentang peraturan, selok-belok hutan simpan ini dan cara memasang khemah kepada para peserta. Seterusnya, aktiviti pembahagian kumpulan dan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan iaitu giliran memasak dan berjaga malam (sentri). Banyak aktiviti yang telah dijalankan sepanjang perkhemahan ini. Antaranya, aktiviti mendaki bukit sepanjang dua kilometer yang menguji ketahanan fizikal para peserta. Ini disebabkan kebanyakan tempat untuk kami melakukan aktiviti utama berada di atas bukit iaitu di *'Blue Lagoon'* yang merupakan air terjun kecil. Aktiviti yang kami jalankan semasa berada di air terjun ini adalah *'Liku-Liku Hidup'* yang menguji kepercayaan dan keyakinan setiap ahli kumpulan. Pada sebelah malam pula, kami melakukan aktiviti *'Ice Breaking'* di mana motif utama adalah untuk para peserta mengenali antara satu sama lain.

Seterusnya, pada hari kedua, aktiviti latihan dalam kumpulan telah dijalankan di sebelah

pagi. Tujuannya adalah untuk mengeratkan lagi hubungan antara ahli kumpulan serta mengenali lebih rapat antara sesama ahli kumpulan.

Di samping itu, aktiviti senaman asas waja diri dan gerak hanafi yang merupakan gerakan-gerakan asas dalam Silat Cekak Ustaz Hanafi telah dijalankan di sebelah pagi pada hari berikutnya. Para peserta diuji sekali lagi dengan aktiviti *'Perjuangan Hidup'* pada sebelah petang, iaitu aktiviti yang lebih mencabar dan agak merbahaya dimana semua peserta perlu bekerjasama bagi menyeberangi lagun yang berkedalaman 3 meter tanpa menggunakan apa-apa bantuan. Namun begitu, aktiviti ini berjalan dengan lancar dan selamat tanpa sebarang kecederaan.

Objektif utama kami iaitu untuk mengeratkan ukhuwah antara dua buah universiti telah tercapai dan kami berharap program seperti ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang. Pihak kami juga ingin merealisasikan hasrat murni ahli PSSCUHUPM yang ingin bertandang ke UMT serta menganjurkan program bersama sekali lagi.

PPSTM anjur Bengkel Panduan Pengiktirafan BeSS

oleh: **Siti Nur'afifah Jaafar & Tuan Mohd Najwa Fuad Tuan Man**

Sejajar dengan teras memacu pemindahan ilmu didalam Pelan Strategik UMT 2013-2017, dasar National Blue Ocean Strategy yang ke-7 menerusi pensijilan BeSS dan penekanan aspek integriti (bersih dalaman dan luaran) dalam Transformasi Terengganu Baharu, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Malaysia (PPSTM) mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Panduan Pengiktirafan BeSS kepada pengusaha kafetaria di dalam UMT dan restoran setempat.

Bengkel Panduan Pengiktirafan BeSS adalah sebahagian daripada aktiviti

"Program Inovasi Sosial: Amalan Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan Berkualiti." Bengkel yang telah diadakan pada 9 November 2015 ini dimulakan dengan acara perasmian oleh Dekan Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM), Prof. Madya Dr. Amiza binti Mat Amin.

Pengisian program merangkumi sesi ceramah dan bengkel. Sesi pertama dimulakan dengan ceramah; "Garis Panduan Pengiktirafan BeSS" oleh Encik Mohd Fadzil bin Yaakob, Pegawai Teknologi Makanan di Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu. Slot seterusnya diisi dengan perkongsian hasil dapatan; "Kajian Keselamatan Makanan di Kafe UMT" oleh Dr. Mohd Nizam bin Lani dan ceramah; "Penyediaan

Menu Sihat" oleh Dr. Asma' binti Ali, yang mana kedua-duanya merupakan pensyarah di PPSTM. Pada sebelah petang, sesi bengkel pengisian borang pendaftaran premis makanan dengan Kementerian Peserta yang terdiri daripada pengusaha dan tukang masak di kafetaria di dalam UMT dan restoran setempat secara keseluruhannya berpuas hati dengan pengisian program ini.

Program ini diharapkan dapat menjadi batu loncatan untuk program kerjasama diantara PPSTM dan pengusaha kafetaria UMT dan restoran setempat pada masa akan datang. Pihak PPSTM juga mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat untuk menjayakan program ini.

Atlet UMT Tunjuk Taring SUPKIPT 2016

oleh: Mohamad Ameer Zafri bin Azman
Exco Sukan dan Rekreasi MPP
15/16

Kejohanan SUKIPT 2016 bagi Fasa 1 telah menutup tirai. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Majlis-Majlis Sukan IPT (MASUM, MSP, MASKOM dan MASISWA) mengambil inisiatif menganjurkan SUKIPT (Sukan Institusi Pendidikan Tinggi) bermula pada tahun 2012. Penganjuran Kejohanan ini diadakan secara dwitahunan dan diselang-selikan dengan penganjuran Karnival Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA).

Bagi penganjuran edisi ketiga ini, kontinjen jemputan untuk kejohanan ini ditambah dengan jemputan antarabangsa melibatkan negara-negara dalam Asia Tenggara selain turut mempertandingkan beberapa acara sukan untuk atlet kelainan upaya (OKU).

Penganjuran SUKIPT merupakan satu usaha Kementerian untuk membangunkan dan memajukan lagi sukan di peringkat IPT, kebangsaan dan antarabangsa secara bersepadu. Penyertaan untuk sukan ini adalah terbuka kepada semua atlet IPT di Malaysia.

Atlet-atlet UMT telahpun menunjukkan semangat yang tinggi dan mampu bersaing bersama atlet negara yang lain apabila telah membawa pulang pingat dan mengharumkan nama UMT. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam mengharumkan nama UMT di persona sukan negara. Berikut adalah keputusan kejayaan atlet UMT.

1. Saudara Mahendran
Pingat Gangsa (Badminton
Perseorangan Lelaki)
2. Saudari Felicia Syupie
Pingat Gangsa
(Pencak Silat Wanita)



3. Saudari Siti Syahirah
Pingat Perak
(Lawnball Single Wanita)
4. Lawnball Berpasukan Wanita
Pingat Gangsa
5. Bola Tampar Lelaki & Wanita
Pusingan ke-2

6. Taekwando
Suku Akhir dan Separuh Akhir

Kalah dan menang adat pertandingan. Semoga ia menjadi satu permulaan baru buat sukan UMT. Teruskan perjuangan kepada semua atlet UMT.

*“Hidup ini banyak dugaan
penuh onak dan duri.
Kita perlu kuat menghadapi
dugaan Ilahi...
Hanya DOA
dan ketentuan-Nya yang
mampu mengatasi segalanya.
Insya-Allah”.*

(Prof. Madya Dr. Noraien Mansor, 2016)